

MUZIUM KOTA JOHOR LAMA

KOTA JOHOR LAMA MUSEUM



1 PENGENALAN

INTRODUCTION

Muzium Kota Johor Lama yang dibina di atas tapak kawasan utama Kota Johor Lama berperanan mempamerkan bahan artifak, menyediakan maklumat, penerangan serta penyebaran pengetahuan berhubung sejarah Kota Johor Lama. Pembinaan bangunan muzium yang bercirikan seni bina rumah Melayu tradisional ini bermula pada Ogos 2004 dan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2006 sebelum dibuka kepada umum pada bulan Oktober 2007. Keseluruhan bangunan dibina daripada kayu dengan penggunaan tanggam dan pasak pada struktur utama, manakala ruangannya disesuaikan dengan konsep pameran.

The Kota Johor Lama Museum built on the site of the main Kota Johor Lama area, functions to showcase artifacts, provide information, explanation as well as disseminate knowledge on the history of Kota Johor Lama. The construction of this museum, which was inspired by the architecture of the traditional Malay house, commenced on August 2004 and was fully completed on July 2006, before it was opened to the public on October 2007. The whole building is constructed of wood, with the use of mortise and peg on the main structure, while the space has been adapted to fit the concept of an exhibition area.





2 KOLEKSI COLLECTION

Muzium Kota Johor Lama memperkenalkan sebanyak 84 koleksi yang terdiri daripada porselein, senjata, barang tembaga, tembikar tanah, alat permainan dan anyaman yang mempunyai pertalian rapat dengan sejarah Kota Johor Lama. Koleksi menarik yang dipamerkan di muzium ini ialah pinggan tembaga yang ditemui di jalan masuk Kota Johor Lama dan peluru meriam yang digunakan semasa serangan terhadap Kota Johor Lama.

The Kota Johor Lama Museum displays as many as 84 collections, which include porcelain, weapons, copperware, earthenware, playthings and weaving, which is closely related to the history of Kota Johor Lama. Some of the more interesting collections found here are the copper plates found by the entrance leading into Kota Johor Lama and the cannon ball used during the attack on Kota Johor Lama.

3 GALERI GALLERY

Galeri pameran di muzium ini dibahagikan kepada lima segmen, iaitu Pengenalan berkaitan sejarah Kota Johor Lama; Pemerintahan, Perdagangan dan Peperangan di Kota Johor Lama; Kota-kota Pertahanan di sepanjang Sungai Johor; Taburan Nisan Acheh di daerah Kota Tinggi; serta Kajian Arkeologi dan Temuan di Kota Johor Lama. Kesemua tajuk segmen di dalam galeri pameran ini meliputi pembukaan kota yang menjadi pusat pemerintahan, perdagangan yang unggul sehingga kejatuhannya, kaitannya dengan kota-kota pertahanan lain dan kajian-kajian yang dijalankan oleh penyelidik tempatan dan luar negara di dalam kawasan kota ini yang menumpukan kepada kepentingan kota yang masih wujud dalam bentuk fizikal dan dapat dilihat sehingga hari ini.

The exhibition gallery in the museum is divided into five segments, namely the Introduction to the History of Kota Johor Lama; Governance, Trade and War in Kota Johor Lama; Fortified Cities along the Johor River; Scatterings of Acehnese Gravestones in the District of Kota Tinggi; as well as the Archeological Research and Findings in Kota Johor Lama. All the segment titles in this exhibition gallery covers the opening of this fortified city, which became the seat of government, and a premier trading centre until its downfall, its connection with other fortified cities and the research conducted by local and foreign researchers in the area, which focused on the importance of the existing city in its physical form and which can be seen to this day.



PENGENALAN INTRODUCTION

PERKHIDMATAN, PENGURANGAN DAN PEKERJAWAN
DI KELUAR SEJARAH LAMA
KALISEP TRADE AND TRADE AT YESTERDAY
(A JURONG FORTRESS)





PENGANGKUTAN GETTING HERE

Muzium Kota Johor Lama terletak 40 km dari bandar Kota Tinggi melalui jalan Desaru ke Teluk Sengat. Untuk sampai ke sini, pengunjung boleh memilih sama ada menaiki teksi atau bas MARA liner. Papan tanda tunjuk arah juga disediakan untuk memudahkan kedatangan pengunjung yang menggunakan kenderaan sendiri.

The Kota Johor Lama Museum is located 40km from the town of Kota Tinggi through the Desaru road to Teluk Sengat. To get here, visitors can either opt to go by taxi or the MARA Liner bus. There are ample signboards for those coming in their own vehicle.

PETA LOKASI Location Map



Imbas QR Code
Scan QR Code

TARIKAN BERHAMPIRAN NEARBY ATTRACTION

- Perkampungan bersejarah Johor Lama
 - Taman Buaya
 - Muzium Nelayan Tanjung Balau
 - Pantai Desaru
-
- Johor Lama Historic Village
 - Crocodile Park
 - Tanjung Balau Fishermen Museum
 - Desaru Beach





HARI DAN MASA LAWATAN VISITING HOURS

9.00 pagi hingga 5.00 petang
(Pelawat terakhir masuk pukul 4.30 petang)

Muzium ditutup pada:

- Setiap hari Isnin pertama setiap bulan.
- Hari pertama dan kedua Hari Raya Aidilfitri
- Hari pertama Hari Raya Aidiladha

*Daily 9.00am to 5.00pm
(Last admission at 4.30pm)*

Museum is closed on:

- *The first Monday of each month*
- *First and second day of Aidilfitri*
- *First day of Aidiladha*

ALAMAT ADDRESS

Muzium Kota Johor Lama,
Lot 1468, Kg Johor Lama,
81940 Kota Tinggi, Johor Darul Takzim.

Tel. : 07 – 895 5282
Faks : 07 – 895 2082

Mangkuk Seramik
Ceramic Bowl



JABATAN MUZIUM MALAYSIA
Jalan Damansara, 50566 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2267 1000 | Faks: 03 - 2284 9130

Sila kembalikan risalah ini jika tidak memerlukannya
Please return this leaflet if you have no further use